



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI HAL EHWAL MASJID (B.2 / B.2 EB.3)
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI HAL EHWAL MASJID
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
B.2 EB 3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **BAGI TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **BAGI TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

ii) Telah berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Masjid sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



2. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
3. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Hal Ehwal Masjid dikehendaki lulus peperiksaan berikut:
 - i) Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (PPUPA) atau sebanding; dan
 - ii) Peperiksaan Jabatan (jika ada).

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah Hal Ehwal Masjid;
2. Menjadi Ketua kepada Pegawai-Pegawai Masjid yang di bawah kawalannya;
3. Menjadi Ketua Pentadbiran di masjid tempat bertugas dan kepada Pegawai-Pegawai Masjid yang di bawah kawalannya;
4. Menjadi Imam, menyampaikan khutbah dan menunaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan Fardhu Kifayah;
5. Bertanggungjawab dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti takmir masjid, majlis keagamaan dan kebajikan jemaah;
6. Memimpin, memeduli dan membimbing pegawai masjid di bawah kawalannya dari segi meningkatkan profesion, ilmu pengetahuan, amal ibadat, ketertiban (tingkah laku) dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab lain yang berkaitan dengannya;
7. Bertanggungjawab mengawas pemeliharaan bangunan masjid, menjaga kebersihan dan kecantikan kawasan di sekitarnya serta membuat laporan mengenainya;
8. Bertanggungjawab membuat penilaian prestasi bagi pegawai-pegawai masjid dan kakitangan di bawahnya; dan
9. Berusaha bersama-sama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung / Majlis Perundingan Mukim bagi meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat penduduk kampung dan sekitarnya.